

1977

ALOR SETAR, 6 DESIMBER (BERNAMA) -- BAYARAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) AKAN DIKURANGKAN APABILA KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAMBIL ALIH TUGAS-TUGAS YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK CAMBRIDGE EXAMINATION SYNDICATE MULAI TAHUN 1980.

KETIKA MENGUMUMKAN DEMIKIAN HARI INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PIHAK KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN CUBA SEBERAPA DAYA UNTUK MENURUNKAN BAYARAN PEPERIKSAAN SPM APABILA PENGAMBILAN ALIH ITU BERMULA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, MENAMBAH LANGKAH ITU ADALAH BERTUJUAN UNTUK MERINGANKAN BEHANAN IBU-BAPA DAN JUGA PENJAGA MURID-MURID.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA YANG DIBACAKAN OLEH SETIAUSAHA POLITIK KEPADA MENTERI PELAJARAN, MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, DI PERASMIAN MESYUARAT PERWAKILAN KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN (KPPK) SEMENANJUNG MALAYSIA DI DEWAN KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID, DI SINI.

SERAMAI 120 ORANG WAKIL DAN PENERHATI KPPK DARI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA MENGHADIRI MESYUARAT PERWAKILAN SELAMA TIGA HARI ITU YANG BERMULA HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN, MULAI TAHUN 1980 PEPERIKSAAN MCE AKAN DIHENTIKAN DAN HANYA PEPERIKSAAN SPM SAHAJA AKAN DIADAKAN. -- BERSAMBUNG 1305/1B

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

INI BERMAKNA TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN, YANG AKAN MENGAMBIL ALIH TUGAS-TUGAS PIHAK CAMBRIDGE DAN GURU-GURU AKAN BERLIPAT-GANDA, TAMBAHNYA.

+DENGAN ITU SYA BERHARAP SEMUA GURU, KAKITANGAN KEMENTERIAN DAN JUGA SEMUA LAPISAN RAKYAT AKAN MEMBERIKAN KERJASAMA YANG SEPENUH AGAR PELAKSANAAN MENGAMBIL ALIH BEBAN INI AKAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG CERMELANG, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+KAUM GURU YANG MERUPAKAN TULANG BELAKANG DALAM BIDANG PELAJARAN DAN PENDIDIKAN HARUSLAH BEKERJA KERAS, BERDISIPLIN DAN JUJUR AGAR PELAKSANAAN, MUTU, PENGIKTARAFAN DAN PENERIMAANNYA DAPAT TERJAMIN.+

BELIAU MEMPUNYAI PENUH KEYAKINAN BAHAWA KAUM GURU DI NEGARA INI SUDAH CUKUP MATANG UNTUK MENGANDALIKAN SEMUA PEPERIKSAAN YANG DULUNYA DIKENDALIKAN OLEH PIHAK CAMBRIDGE ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN, DALAM HAL MENGAMBIL ALIH PEPERIKSAAN ITU, PIHAK KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH PUN MENGAJAI DENGAN TELITI SEMUA PERKARA YANG BERSANGKUT DENGANNYA.

BEBERAPA SYOR DAN CANGAN TELAH DIKEMUKAKAN TERMASUKLAH TENTANG BAYARAN PEPERIKSAAN DAN JUGA GANJARAN KEPADA PEMERIKSA-PEMERIKSA KERTAS PEPERIKSAAN. -- BERSAMBUNG 1308/1B
MAHATHIR 3 ALOR SETAR

KATANYA, DALAM HAL GANJARAN KEPADA PEMERIKSA-PEMERIKSA KERTAS, PIHAK KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENGAJAI DAN CUBA MENAMBAHKAN GANJARAN ITU.

INI DILAKUKAN MEMANDANGKAN KEPADA TANGGUNGJAWAB YANG BERAT YANG TERPAKSA DIPIKUL OLEH PEMERIKSA-PEMERIKSA KERTAS.

+SAYA TAHU BAHAWA GANJARAN YANG DIBERIKAN ATAS TANGGUNGJAWAB KAUM GURU MENJAYAKANTIAP-TIAP PEPERIKSAANDALAM NEGARA INI TIDAKLAH BEGITU LUMAYAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KEADAAN PENDAPATAN MEREKA PADA MASA INI, + KATANYA.

TETAPI, TEGASNYA, DALAM SATU-SATU USAHA, GANJARAN BUKANLAH PERKARA UTAMA YANG MESTI DITEKANKAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP RAKYAT, BANGSA DAN NEGARA HENDAKLAH DIAMBIL KIRA JUGA.

SELANJUTNYA, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYERU GURU-GURU DAN SEMUA SUPAYA BEKERJASAMA DAN Mencari kata sepakat sebelum mereka membuat apa-apa tindakan. 6

INI BUKAN SAHAJA AKAN MEMUDAHKAN PENYELESAIAN SESUATU MASALAH TETAPI JUGA DENGAN ADANYA KERJASAMA ANTARA KESATUAN-KESATUAN GURU, MEREKA AKAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN UNTUK MENINGGIKAN LAGI MUTU PELAJARANDI NEGARA INI. - BERSAMBUNG

MAHATHIR 4 ALOR SETAR

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, PADA MASA INI TERDAPAT TIDAK KURANG DARIPADA 104,000 ORANG GURU DI SELURUH NEGARA TERMASUK SABAH DAN SRAWAK TETAPI KURANG DARIPADA 50 PERATUS DARI MEREKA YANG MENJADI ANGGOTA KESATUAN-KESATUAN GURU.

DENGAN BILANGAN KESATUAN GURU PULA BEGITU BANYAK DAN BERTENTANGAN ANTARA SATU DENGAN LAIN SEHINGGAKAN MENIMBULKAN MASALAH KEPADA KERAJAAN DAN GURU-GURU SENDIRI.

DALAM KEADAAN SEPERTI ITU SEBARANG LAYANAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN TERHADAP SATU GOLONGAN AKAN MENIMBULKAN MASALAH DENGAN GOLONGAN YANG LAIN DAN INI AKAN MENGAKIBATKAN PERKHIDMATAN PERGURUAN TIDAK AKAN AMAN DAN TENTERAM, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. — BERNAMA 1320/1B